

Dr Mahathir ajak pemimpin, ahli Umno beri penje Dampingi penentag

BH 14 MAY 2000

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak seluruh pemimpin dan ahli Umno supaya tidak memusuhi kakitangan kerajaan, agensinya serta generasi muda meskipun mereka menentang kerajaan dalam pilihan raya umum lalu.

Sebaliknya, Presiden Umno itu berkata, Umno perlu menjalankan pendekatan **mendampingi** semula mereka yang sebelum ini menentang kerajaan kerana tidak faham dan keliru dengan perjuangan Umno.

Perdana Menteri berkata memusuhi kumpulan berkenaan seperti mengenakan tindakan disiplin, memindahkan ke daerah lam dan menyingkirkan mereka, tidak **memberi** kebaikan kepada Umno sebaliknya mewujudkan perasaan untuk membalas **dendam** terhadap kerajaan.

Beliau berkata, **parti** akan melaksanakan program turun ke padang dan mendekati seluruh peringkat masyarakat untuk menjelaskan perkara sebenar terhadap pelbagai isu untuk membetulkan **tanggapan** mereka terhadap Umno.

"Tidak harus bermusuhan dengan mereka. Kalau mereka menentang kita, sebabnya mereka tidak faham perjuangan Umno atau tidak faham peristiwa tertentu. Kalau mereka benar-benar faham apa yang berlaku, **apa** perjuangan Umno, mereka akan sertai kita dan memberi sokongan.

"Kita akan berusaha rapatkan diri dengan pegawai supaya kita dapat jelaskan perjuangan Umno. Dengan itu mereka akan buat pertimbangan yang lebih adil (terhadap kerajaan).

"Dengan penjelasan itu, saya yakin permusuhan mereka terhadap kerajaan sedikit sebanyak dapat dikurangkan. Kita perlu tahu, **sama ada** mereka sokong kita atau tidak. Kalau mereka tidak faham, kita Dertanggungjawab **menjelaskan** apa sebenarnya berlaku, **mudah-mudahan** dengan keterangan itu, mereka terima dan tidak **lagi** orang yang menentang kita.

"Kita mesti cakap perkara yang benar. Jangan bohong **memberi penerangan** kepada sesiapa kerana kalau kita bohong mereka akan tahu kemudiannya.

"Janganlah menuntut kerajaan **mendera semua** orang ini, termasuk guru kerana dia menentang **kita**.

"Justeru, perbetulkan mereka dan ini tidak susah kerana kita di pihak yang benar. Kita tak akan singkir tetapi **menjelaskan** kebenaran," katanya ketika **menggunakan** perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang semalam.

Dr Mahathir berkata, Umno juga akan melakukan susulan terperinci terhadap **semua** program yang dilaksanakan kerajaan kerana selama ini hasil daripada usahanya diperalatkan semula oleh Pas sebagai jentera untuk menentang kerajaan.

LIHAT MUKA 2

Dampingi penentag

BH 14 MAY 2000

DARI MUKA 1

Ini, katanya, termasuk penubuhan agensi dan syarikat kerajaan, pelajar yang dibiayai ketika menuntut di institusi pengajian tinggi serta kemudahan termasuk masjid.

"Kita bina masjid tetapi siapa guna? Pas guna masjid sebab kita tak guna masjid. Sepatutnya kita adakan aktiviti dalam masjid. Jika kita tak buat, orang lain akan buat. Tetapi mereka (**menggunakan** masjid) hanya kerana ingin kembangkan pengaruh parti mereka.

"Oleh itu, kita mesti susul segala usaha ini sehingga ke **peringkat** terakhir," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno perlu bersedia menerima perubahan sikap ahli dan masyarakat yang mula cenderung menentang **parti** itu dengan bersedia dan boleh melakukan semua program **tanpa** mengharap bantuan pihak lain.

"Kita mesti jalankan tugas Umno oleh Umno (sendiri)... tidak boleh bergantung kepada pihak lain. Dulu kita suruh dia (agensi) kerana orang itu terima kita

tapi kini sebaliknya.

"Ini lah perubahan yang kita lihat dan hadapi. Ini politik baru bagi Umno. Kita tak boleh harap orang lain laksanakan tugas kita," katanya.

Beliau berkata, ahli dan pemimpin Umno perlu bergerak seolah-olah parti itu pembangkang tanpa sokongan agensi dan media.

"Sekarang kita perlu anggap kita sebagai *hostile society*," katanya sambil meminta ahli Umno merenung keadaan yang dilalui jika parti itu bergerak dalam keadaan tertekan.

Justeru, Dr Mahathir meminta ahli Umno merapatkan barisan untuk menghadapi cabaran kerana terbukti perpaduan orang Melayu pada 1946 berjaya mengusir penjajah walaupun sebelumnya mereka lemah.

"Rapatkan barisan. Jangan tumpukan kepada perkara titik-bengik kerana kita dalam keadaan persekitaran yang rapuh.

"Saya merayu kepada ahli Umno supaya bersatu. Jika ada perkara yang tidak menyenangkan suarkanlah, bincanglah, duduk dan kita selesaikan," katanya.